



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11 Jld. 4 (10)  
Tarikh : 28 September 2020/ 10 Safar 1442H

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

### PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA DI BAWAH JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT FOR ELECTRICITY AND ENERGY SECTOR (JFY 2021)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa *Japan International Cooperation Agency (JICA)* akan menawarkan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di Jepun di bawah **JICA Knowledge Co-Creation Program For Long Term Participants – Human Resources Development for Electricity And Energy Sector (JFY 2021)**. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan sesebuah negara untuk membangunkan dasar tenaga negara.
3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada **pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan yang berkelayakan dan **mempunyai pengalaman dalam bidang tenaga** untuk mengikuti program ini. Tarikh buka dan tutup permohonan/ pencalonan adalah seperti berikut:
  - (i) Tarikh permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah bermula pada **28 September 2020 (Isnin)** sehingga **23 Oktober 2020 (Jumaat)**; dan
  - (ii) Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **30 Oktober 2020 (Jumaat)**.

4. Maklumat lanjut seperti syarat serta tatacara permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA.**  
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3371/3053 atau emel [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my) .

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZURA BINTI AZIZ)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

## Lampiran 1

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT FOR ELECTRICITY AND ENERGY SECTOR (JFY 2021)

#### 1. Syarat-syarat pencalonan

- (a) Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 April 2021**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap khususnya di dalam bidang/sektor tenaga;
- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata **85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2017,2018 & 2019)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (e) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (f) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (g) Tidak menerima bantuan penajaan yang lain;
- (h) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (i) Telah mengisytiharkan harta;
- (j) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;

- (k) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;
- (l) Disahkan sihat oleh pegawai perubatan bertauliah dan pegawai yang mengandung tidak digalakkan untuk memohon;
- (m) Mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.

## 2. Tatacara Permohonan/Pencalonan.

### 2.1 Tanggungjawab Pegawai.

- 2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 28 September 2020 (Isnin) sehingga 23 Oktober 2020 (Jumaat)**;
- 2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
  - (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
  - (ii) *JICA Application Form* (bersama gambar berukuran 4cm x 3cm)
  - (iii) Esei di antara 800 hingga 1000 patah perkataan yang terdiri daripada perkara berikut:
    - (a) *major achievements in applicant's career so far*;
    - (b) *purpose and plan of study in Japan*; dan
    - (c) *career plan after the graduation*.
  - (iv) *Research Plan*;
  - (v) Salinan Ijazah Pertama/ Sarjana/ kelulusan yang setaraf dengannya – Skrol dan transkrip rasmi DALAM BAHASA INGGERIS/ diterjemahkan secara rasmi ke Bahasa Inggeris (telah disahkan);

- (vi) Salinan pencapaian TOEFL/ IELTS; dan
- (vii) Salinan passport.

Semua dokumen di perkara 2.1.2 di atas hendaklah dikemukakan dalam **TIGA (3) SALINAN** (1 dokumen asal dan 2 dokumen salinan yang disahkan) kepada Jabatan ini.

- 2.1.3 Pegawai perlu membuat permohonan kemasukan universiti melalui GRIPS sepetimana yang dinyatakan di dalam maklumat program.
- 2.1.4 Bagi pegawai **Perkhidmatan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing. Bagi pegawai **Perkhidmatan Bukan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Perkhidmatan masing-masing. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Kementerian atau Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

## **2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan.**

- 2.2.1 Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja**.
- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen** di Perenggan 2.1.2.